



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAJIAN TENTANG KEBERKESANAN PROSES PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN UNTUK MENGHASILKAN PRODUK BATIK
MENGUNAKAN BAHAN WARNA ALAM SEMULA JADI
DI KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Oleh

ACHMAD SOPANDI HAJI HASAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
Ijazah Sarjana Pendidikan Seni**

Ogos 2002



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Alhamdulillah, dengan kurniaan dan izinNya kajian ini dapat diselesaikan dengan segala kelebihan dan kekurangannya. Sewajarnya saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih. Pertama sekali saya ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Prof. Madya Haji Iberahim bin Hassan. Beliau dengan penuh ketekunan dan kesabaran telah memberikan bimbingan kepada saya, sehingga terhasilnya disertasi ini.

Sekalung budi kepada Prof. Madya Dr. Nagendralingan Ratnavadivel dan En Zainal Abidin Bin Sha'ari. Melalui dorongan, bimbingan dan nasihat beliau saya telah dapat menyempurnakan penulisan disertasi ini dengan jayanya. Beliau juga banyak membantu saya dalam melihat pelbagai perspektif komunikasi dan sesuai dengan kehendak semasa.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelaras program Pendidikan Seni dan mahasiswa Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepujian, yang telah memberikan kerjasama sewaktu saya menjalankan kajian di studio batik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada isteri dan anak-anak iaitu Emma Indrawaty, Dimma, Kaken, Saras, Riyan, Niki yang sentiasa bersabar, berdoa dan memberikan semangat dalam diri pengkaji sepanjang pengajian ini.

Wasalam,

Achmad Sopandi Haji Hasan,

Tanjong Malim 2002.



KANDUNGAN**Kandungan****Muka Surat**

Tajuk Tesis

Penghargaan

Kandungan

Senarai Jadual

Senarai Rajah

Abstrak

Abstract

i

ii

v

viii

ix

x

BAB I PENGENALAN

1.1. Latar Penyelidikan

1.2. Pernyataan Masalah

1.3. Tujuan Kajian

1.4. Persoalan Kajian

1.5. Kerangka Teori

1.6. Kepentingan Kajian

1.7. Batasan Kajian

1.8. Definisi Istilah

1

3

5

6

6

11

12

13

BAB II TINJAUAN BACAAN

2.1. Pengenalan

2.2. Peranan Warna Alam Semula Jadi di Dalam
Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni2.3 Kajian Warna Alam Semula Jadi di Malaysia Dengan
Rujukan Khusus Batik2.4 Kajian Warna Alam Semula Jadi di Indonesia Dengan
Rujukan Khusus Batik

2.5. Kurikulum Kebangsaan Untuk Pendidikan Seni

14

14

19

23

26

**BAB III****METODOLOGI**

3.1.	Pengenalan	37
3.2.	Reka bentuk penyelidikan	40
3.3.	Persampelan Kajian	42
3.4.	Instrumen Mengumpul Data	43
3.4.1.	Pemerhatian	43
3.4.2.	Soal Selidik	44
3.4.3.	Dokumen-Dokumen	46
3.4.4.	Temu Bual	46
3.5.	Proses Analisa Data	47
3.6.	Prosidur Kajian	48
3.6.1.	Ujian Rintis	48
3.7.	Penganalisan Data.	57
3.8.	Triangulasi	51
3.8.1.	Audit Trail	52
3.8.2.	Member – Check	53
3.9	Interpretasi data	53

**BAB IV****ANALISIS KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1.	Pengenalan	54
4.2.	Dapatan Kajian	55
4.2.1.	Tindakan Pertama	55
4.2.2.	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Batik Di Studio Batik	57
4.2.3.	Analisis Data Perlaksanaan Tindakan Pertama	60
4.2.4.	Refleksi Tindakan Pertama	60
4.2.5.	Tindakan Kedua	61
4.2.6.	Analisis Data TindakanKedua	63
4.2.7.	Refleksi Tindakan Kedua	64
4.2.8.	Tindakan Ketiga	65



4.2.9	Reka Bentuk Pengajaran dan Pembelajaran Batik	66
4.2.10	Analisis Data Perlaksanaan Tindakan Ketiga	66
4.2.11	Refleksi Tindakan Ketiga	67
4.3.	Keberkesanan Dimensi Input	68
4.3.1.	Keberkesanan Pengetahuan Pensyarah	68
4.3.2.	Keberkesanan Kemahiran Pensyarah	79
4.4.	Keberkesanan Dimensi Proses	71
4.4.1.	Analisis Kaedah Pengajaran Pensyarah	71
4.4.2.	Analisis Kaedah Penilaian Pensyarah	71
4.5.	Analisi Keberkesanan Dimensi Produk	72
4.6.	Analisis Statistik	73
4.7.	Analisis Soalan Kajian	78
4.8.	Sokongan Profesional	83
4.9.	Perkhidmatan Profesional	88
4.10.	Rumusan Kajian	90

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1.	Perbincangan dan Dapatan	92
5.2.	Implikasi Kajian Yang Dijalankan	93
5.3.	Cadangan	96

BIBLIOGRAFI	99
-------------	----

LAMPIRAN

1. Lampiran Pra Ujian Kajian Rintis
2. Lampiran Reka Bentuk Kurikulum dan Perancangan Instruksi
3. Lampiran Soal Selidik
4. Lampiran Pemarkahan
5. Perancangan Kursus
6. Nama Tumbuhan Yang Menghasilkan Warna Batik
7. Spesis Tumbuhan Yang Digunakan Untuk Kajian
8. Panduan Temu Bual
9. Lampiran Data SPSS

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1 :	Seni Adalah Untuk Budaya	15
Jadual 2 :	Model C.I.P.P. Yang Telah Diubahsuai dan Dipermudahkan	31
Jadual 3 :	Proses Pengujian Mutu Batik	32
Jadual 4:	Nilai pengujian ketahanan warna hasil celupan warna alam semula jadi menggunakan sabut kelapa yang dimatikan warnanya dengan tawas (Alum)	33
Jadual 5 :	Jenis data, kajian dan sumber data	48
Jadual 6 :	Matrix Trangulasi Tentang Keberkesanan Penggunaan Warna Alam Semula Jadi.	50
Jadual 7 :	Maklumat Peribadi Program Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kepujian (Seni) Ambilan Jun 2000/2001	73
Jadual 8 :	Tanggapan pelajar tentang pengalaman dan pengetahuan penghasilan produk batik, sebelum mengikuti kursus batik di UPSI	76

Jadual 9:	Tanggapan Mahasiswa tentang kurikulum Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepujian mengikuti kursus tersebut	77
Jadual 10:	Tanggapan mahasiswa-mahasiswa tahun satu Program Sarjana Muda Seni Dengan Kepujian Tentang Kursus-Kursus Universiti	78
Jadual 11:	Tanggapan mahasiswa Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepujian Tentang Kursus-Kursus Wajib Universiti	79
Jadual 12:	Tanggapan mahasiswa Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepujian Tentang Kursus-Kursus Minor untuk setiap program major	81
Jadual 13:	Tanggapan mahasiswa Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepujian tentang Praktikum atau Latihan Mengajar	82
Jadual 14:	Tanggapan mahasiswa tentang kandungan kursus batik tradisional (warna alam) Pendidikan seni, Dalam Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepujian	83
Jadual 15:	Tanggapan mahasiswa tentang kursus perkaedahan dan penyelidikan produk batik tradisional dalam Program Sarjana Muda pendidikan seni Dengan Kepujian	84

Jadual 16:	Tanggapan mahasiswa tentang bidang pengajaran batik tradisional dalam Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepingan	85
Jadual 17:	Tanggapan mahasiswa tentang kursus penghasilan batik Dalam Program Sarjana Muda Pendidikan Seni Dengan Kepingan	87
Jadual 18:	Tanggapan mahasiswa tentang pensyarah, Program Sarjana Muda Pendidikan Seni	88

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat.
Rajah 1 :	Putaran Sebuah Kajian Tindakan	36
Rajah 2 :	Rancangan Model Kajian Tindakan	38
Rajah 3 :	Reka Bentuk Penyelidikan Kajian Tindakan	98



KAJIAN TENTANG KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENGHASILKAN PRODUK BATIK DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN WARNA ALAM SEMULA JADI DI KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan bahan warna alam semula jadi dalam menghasilkan batik. Ianya penting untuk menilai Kursus Batik SS 2182 yang dijalankan di Fakulti Sains Sosial dan Kesenian Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penyelidik berusaha untuk mengkaji keberkesanan kaedah pengajarannya untuk membolehkan mahasiswa menghasilkan batik serta untuk mengkaji dan mempertingkatkan pengajarannya melalui kajian tindakan. Sampel untuk kajian ini terdiri daripada 23 orang mahasiswa yang mengambil kursus seperti yang dinyatakan di atas.

Penyelidik menggunakan model CIPP (Konteks, Input, Proses, Produk) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam. Data akan diperolehi secara kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian ini akan dianalisis menggunakan SPSS dan beberapa kaedah analisis kualitatif, seperti analisis dokumen, analisis teks, laporan analisis pemerhatian dan borang panduan temu bual.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kursus dan kaedah pengajaran yang dijalankan membolehkan mahasiswa menghasilkan produk batik menggunakan bahan warna alam semula jadi. Putaran kajian tindakan menunjukkan peranan dan keberkesanan kaedah pengajaran pensyarah boleh ditingkatkan secara berterusan dengan menggunakan refleksi melalui kajian tindakan.



A STUDY AT THE EFFECTIVENES TEACHING AND LEARNING ABILITY TO USE NATURAL COLOR IN THE PRODUCTION OF BATIK MATERIAL AT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

This study is an investigation of the effectiveness of using color obtained from natural products to produce batik. It is essentially an evaluation of SS 2182 Batik Course, which is conducted at the Faculty of Social Science and Arts Universiti Pendidikan Sultan Idris. The researcher attempts to study the effectiveness of his teaching methods in enabling students to produce batik and also to investigate and improve his own teaching via action research. The sample of the study consists of 23 students who are taking the above mentioned course

The researcher employs Stufflebeams CIPP (Content, Input, Process, and Product) model. Data was obtained using both quantitative and qualitative methods. It was analyzed statistically by using SPSS and various methods qualitative analysis such as document analysis, text analysis, and analysis of observation report as well as interview transcripts.

The findings of this study show that the course and the teaching methods employed enable students to be able to produce batik using natural color derived from the natural products. The action research cycle shows that the role and the effectiveness of the lecturer's teaching method can be continuously improved by using reflection through action research .



BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Penyelidikan

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Sains Sosial dan Kesenian telah mengambil beberapa langkah positif dalam usaha mengekalkan seni warisan tradisional Melayu antaranya ialah memperkenalkan kursus Studio Kraf Tradisional. Semua mahasiswa Program Pendidikan seni diwajibkan mengikuti kursus ini. Langkah ini selaras dengan matlamat utama Fakulti yang berhasrat melahirkan seramai mungkin pendidik dan tenaga pakar yang memiliki kemahiran professional dalam bidang seni.

Sekian lama, kursus batik yang diperkenalkan, dilaksanakan secara konvensional.

Ia menggunakan pewarna kimia yang akan mengurangkan citarasa tradisi. Justeru itu, dengan pengekalan teknik batik tradisional adalah amat perlu bagi bakal pendidik sebagai generasi seterusnya yang akan mewarisi budaya bangsa, sekaligus ia dapat membina jati diri Melayu dalam karya batik dan dapat meningkatkan tradisi bangsa yang hampir dilupai.

Mohd. Said bin Hj. Hussin (1934) telah menulis sebuah buku berkenaan dengan teknik membatik dalam tulisan Jawi dan buku ini telah diterbitkan di Sultan Idris Training College (SITC) Tanjong Malim, Perak Darul Redzuan. Buku ini bertujuan untuk memberi sumbangan dan galakan kepada perkembangan aktiviti membatik di kalangan masyarakat tempatan pada ketika itu.



Penulisan Mohd. Said ini jelas membuktikan bahawa tradisi dan ilmu tentang membuat batik itu telah lama wujud dalam masyarakat Melayu dan SITC bertanggung jawab menerbitkan dan menyebarkan ilmu tentang batik dikalangan guru-guru yang dihasilkannya.

Mata pelajaran Pendidikan Seni yang dahulunya dikenali sebagai “Lukisan dan Pertukangan Tangan” telah diperkenalkan di SITC sejak tahun 1922 lagi. Guru-guru pelatih di SITC diajar pelbagai kemahiran kraftangan seperti anyaman, batik, tembikar, ukiran kayu dan logam serta lukisan. Pada tahun 1935, Kursus Dalam Perkhidmatan dalam bidang seni telah diperkenalkan, dan ditawarkan kepada guru-guru Pendidikan Seni yang sedang mengajar di sekolah-sekolah. Sultan Idris Training College merupakan institusi yang pertama menawarkan kursus dalam Perkhidmatan Pendidikan Seni. Ia juga merupakan institusi keguruan pertama yang menawarkan kursus Pendidikan Seni di peringkat asas. Ia boleh dikatakan sebagai tapak semaian Pendidikan Seni di Malaysia adalah bermula di institusi ini. (Memorandum Pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dengan Kepujian, 2000). Tradisi ini terus berkembang dan kini UPSI melalui Fakulti Sains Sosial dan Kesenian terus memikul tanggung jawab ini.

Reka bentuk kurikulum subjek Pendidikan Seni di UPSI berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara. Ia mengambil kira pembangunan masyarakat dan sosial di samping memelihara dan mengekalkan seni warisan budaya Melayu sebagai identiti budaya estetika Negara. Ini bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan memupuk perpaduan di kalangan masyarakat melalui penerapan ilmu dan pengetahuan tentang budaya kebangsaan, disamping mewujudkan tenaga yang kreatif dan inovatif untuk keperluan Negara.

1.2 Pernyataan Masalah

Kemampuan mahasiswa selama ini terhadap teknik dan penghasilan warna-warna alam dalam kraf batik masih terbatas dan kurang pengetahuan dan pengalaman mengenai teknik-teknik penghasilan batik. Persoalannya sejauh manakah kemantapan Kursus Batik (SS 2182) yang telah disampaikan kepada mahasiswa berkesan dan dapat dipraktikkan sepenuhnya dalam situasi pengajaran dan pembelajaran masa kini menjadi fokus utama dalam kajian ini. Perkara yang menarik minat pengkaji dalam kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan penggunaan bahan warna alam semula jadi yang telah diterapkan dalam Kurikulum Pendidikan Seni di UPSI melalui kursus batik dalam bidang akademik dan keterampilan.

Untuk menilai keberkesanan kursus ini, penyelidik perlu mendapat pandangan daripada mahasiswa itu sendiri yang berkaitan dengan pengalaman mereka semasa menjalani kursus di studio batik. Fokusnya masih merujuk kebolehan mahasiswa membina pengetahuan tentang keberkesanan kursus batik dengan menggunakan bahan pewarna yang berasal dari alam persekitaran. Maklum balas ini amat berguna kepada pengkaji untuk membuat kajian yang lebih terperinci disamping dapat memperbaiki pengajaran dan pembelajaran batik pada masa akan datang.

Bagi membuktikan relevannya kajian ini dilaksanakan, satu tinjauan awal dan kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji terhadap 23 orang mahasiswa aliran seni pada semester satu sesi 2000/2001 di studio batik UPSI. Kajian rintis awal ini menggunakan kaedah soal selidik yang mengandungi 30 soalan (Sila lihat lampiran 1) yang diajukan kepada responden adalah berkaitan dengan teknik membatik dan penggunaan bahan alam semula jadi.

Berdasarkan kajian rintis ini didapati, kebanyakan mahasiswa tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang batik yang lebih mendalam terutamanya tentang penggunaan bahan warna alam semula jadi untuk menghasilkan produk batik di Malaysia. Jelaslah bahawa keperluan untuk menghidupkan kembali penggunaan warna alam semula jadi dalam pengajaran dan pembelajaran seni di Malaysia, perlu diberikan perhatian yang sewajarnya agar kesinambungan ilmu ini dapat diteruskan kepada generasi akan datang.

Apa yang lebih menarik minat pengkaji, tentang kajian ini ialah terhadap wujudnya pelbagai media dan teknik untuk menghidupkan kembali penggunaan warna-warna alam semula jadi dalam pengajaran dan pembelajaran seni. Bagi mempraktikkan ilmu dan pengalaman ini terus kekal, segala yang berkaitan dengan warna alam dan aplikasinya dalam warisan seni budaya bangsa Melayu itu perlu didokumentasikan. Salah satu fenomena yang menarik perhatian pengkaji untuk mengekalkan khazanah seni warisan Melayu ini terus berkembang, maka sudah pastinya pendedahan secara praktikal amat diperlukan disamping pengetahuan teori. Keupayaan menggunakan semula warna-warna alam semula jadi secara praktikal dalam studio batik, akan dapat menjana pengetahuan dan pengalaman kepada mahasiswa, usaha ini akan menghasilkan mahasiswa yang berkebolehan dari segi akademik dan menginterpretasikan kemahiran masa lampau dengan teknik-teknik moden.

Mc Fee (1972), menyatakan bahawa seni adalah sebahagian daripada kebudayaan masyarakat kerana ianya adalah penjelmaan daripada bahagian nilai, sikap dan kepercayaan sesuatu masyarakat itu terhadap persekitaran dan alam.

Berdasarkan kajian perpustakaan dan tinjauan lain, pengkaji tidak menemui sebarang kajian mengenai penggunaan warna alam semula jadi dalam proses pengajaran dan pembelajaran batik di studio batik. Memandangkan tidak ada lagi kajian khusus

mengenai pewarna semula jadi maka pengkaji ingin membuat kajian dan mendedahkan hasil kajian kepada orang ramai tentang keberkesanan penggunaan bahan-bahan alam semula jadi sebagai salah satu media dalam pembelajaran batik tradisonal dan moden.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan warna alam semula jadi dalam pengajaran batik di studio batik UPSI. Selain itu, terdapat beberapa tujuan sampingan yang boleh dikaji iaitu:

1. Mendedahkan pengetahuan dan kemahiran pengkaji berkaitan dengan penggunaan warna alam semula jadi dalam pendidikan seni di studio batik.
2. Menunjukkan kemudahan tentang cara dan kaedah penghasilan dan penggunaan bahan-bahan warna berasaskan dari alam semula jadi.
3. Memperkenalkan sistem penggunaan bahan alam semula jadi sebagai satu alternatif kepada sistem pengeluaran warna batik yang sedia ada.
4. Mengkaji pandangan pelajar terhadap penggunaan warna alam semula jadi dalam Pendidikan Seni di studio batik.
5. Melihat sejauhmanakah impak terhadap pengetahuan dan kemahiran pelajar serta pengurusan kursus berkaitan dengan penggunaan warna alam semula jadi dalam studio batik.
6. Mengkaji kualiti produk batik yang dihasilkan sepanjang kursus.
7. Mendedahkan keberkesanan kursus berasaskan penggunaan warna alam semula jadi dalam Pendidikan Seni.

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut :

1. Sejauh manakah proses pengajaran dan pembelajaran batik yang menggunakan warna alam semula jadi dalam studio batik di UPSI yang dikendalikan oleh pensyarah mempunyai ciri-ciri profesional dan kualiti yang tinggi ?
2. Sejauh manakah mahasiswa telah menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran membatik menggunakan warna daripada bahan alam semula jadi ?.
3. Adakah para mahasiswa boleh menghasilkan produk batik yang berkualiti selepas mengikuti kursus ini ?.
4. Adakah kaedah pengajaran dan pembelajaran batik warna alam semula jadi yang dilaksanakan oleh pensyarah itu berkesan untuk menjana minda mahasiswa menghidupkan kembali warisan budaya Melayu?.

1.5 Kerangka Teori

Kajian ini merupakan satu kajian tindakan ke atas keberkesanan penggunaan warna alam semula jadi dalam kursus batik. Melalui kursus tersebut akan memberi peluang kepada para mahasiswa program Sarjana Muda Pendidikan Seni UPSI untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang batik yang sebelum ini tidak pernah dikaji di Malaysia. Penyelidik menggunakan kaedah kajian tindakan terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta penyampaian ilmu yang terkini dan tulen. Apa yang lebih penting ilmu itu dapat dikongsi bersama dan disampaikan kepada pihak mahasiswa dan akhirnya pensyarah bertanggung jawab menyemai minat kepada para mahasiswa terhadap batik tradisional.

Beberapa teori telah dirujuk (Lansing, 1971, Eisner, 1972, Efland, 1977). Untuk tujuan kajian ini, teori Lansing telah dijadikan panduan dengan melihat warisan budaya dalam Pendidikan Seni. Lansing (1971) berpendapat bahawa pendidikan seni adalah untuk mengembangkan potensi individu serta melahirkan bakat mahasiswa agar berupaya untuk memahami nilai seni untuk diri, masyarakat, warisan seni budaya serta nilai-nilai estetika secara global iaitu mengaitkan seni dengan kehidupan individu agar dapat membuat pertimbangan dan penilaian yang terbaik untuk diri, masyarakat dan budayanya.

Lansing (1971), menegaskan bahawa ilmu pengetahuan tentang kesenian, samada kesenian masa kini atau silam adalah berperanan bagi mengembangkan kefahaman dan pengetahuan seseorang. Menerusi latihan-latihan yang disediakan secara beransur-ansur dan berterusan itu akan mendedahkan peluang kepada para mahasiswa untuk mengembangkan potensinya. Perkembangan kemahiran motor halus, psikomotor dan koordinasi mata, tangan akan terus wujud jika pensyarah menyediakan program dengan terancang. Pernyataan ini mendapat sokongan dari Joyce Bruce (1980), kualiti suatu pengajaran dapat diukur dan ditentukan oleh sejauh mana aktiviti pensyarah memberi motivasi kepada mahasiswa dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Efland (1977), beliau menyatakan dasar pendidikan seni adalah mengambil kira kepelbagaian budaya, etnik dan kedudukan geografi. Keupayaan meneroka pengetahuan, kemahiran untuk menggerakkan daya kesedaran estetik terhadap seni warisan budaya masa lampau.

Sehubungan itu, Mbali (1990), Mason (1993), Lindstrom (1994), dan Reardon (1995), menjelaskan bahawa kekurangan idea baru dalam pengkaryaan, ulangan kandungan pembelajaran yang membosankan, serta kurikulum yang tidak menjanjikan

sesuatu telah menyebabkan pendidikan seni visual dipinggirkan dan kelihatan hanya sesuai untuk pelajar-pelajar yang lemah akademiknya.

Menurut Mustafa Ghazali (2000), penyelidikan seni visual di peringkat institusi pengajian tinggi pula dilihat kurang berkesan, proses penyelidikan seni visual di peringkat tinggi perlu mencari dan mengkaji penemuan baru yang dapat meningkatkan mutu produk, mutu pengajaran serta memperkayakan khazanah seni visual. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa pendekatan pengajaran seni visual di institusi pengajian tinggi perlu disesuaikan dengan kehendak keperluan pasaran semasa dan menggunakan teknologi-teknologi terkini menerusi penyelidikan yang berterusan.

Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan pengetahuan dan kemahiran yang mendalam dalam penghasilan batik. Para mahasiswa akan mempelajari seni membatik secara menyeluruh dan memperolehi teori dan praktikal membatik secara mendalam. Kursus ini juga membolehkan para mahasiswa mempelajari proses pewarnaan yang menggunakan bahan-bahan alam semula jadi. Di samping itu, pelajar dikehendaki mensepadukan pembuatan tersebut (bahan, teknik, rekabentuk dan pendekatan) dengan kreativiti dan kehendak Kursus Batik (SS 2182).

Satu Reka Bentuk Kurikulum Kursus yang sistematik diperlukan supaya objektif kurikulum dapat dicapai dengan lebih berkesan maka pengkaji membina, mengendalikan dan menerbitkan Reka Bentuk Kurikulum Kursus dan Perancangan Instruksi Kursus Batik (SS 2182) sesuai dengan kehendak Kurikulum Pendidikan Seni di UPSI. (Sila lihat lampiran 2).

Selain itu perancangan dan reka bentuk pengajaran Lansing (1971) yang mempunyai ciri-ciri di bawah ini juga dijadikan asas untuk panduan dalam kajian ini, antaranya ialah:

1. reka bentuk dapat mempertingkatkan pengetahuan seni
2. reka bentuk mestilah mempertingkatkan kesedaran dan sikap terhadap seni
3. pengajaran yang direka hendaklah secara sistematik dan dapat memberi kesan dalam memperkembangkan potensi untuk berkarya.

Lansing mengaitkan matlamat khususnya dengan aspek-aspek perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor. Ketiga-tiga matlamat ini merupakan struktur pengetahuan batik yang ditekankan menerusi pengetahuan domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor.

Kajian ini adalah satu proses meneroka, menilai dan akhirnya mencadang beberapa alternatif untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kursus batik terhadap mahasiswa-mahasiswa program Pendidikan Seni UPSI. Dalam menilai keberberkesanan sesuatu program kursus ini perlu mengambil kira faedah atau kesan program yang sedang dijalankan sesuai dengan objektif program. Kajian ini membuat tinjauan secara kualitatif dan kuantitatif mengenai pendapat mahasiswa tentang peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam Kursus Batik (SS 2182) dengan menggunakan bahan warna alam semula jadi.

Walau bagaimanapun, secara umum kemunculan batik tradisional dapat memberikan pengetahuan yang sangat bermakna kepada mahasiswa melalui pendedahan teori dan praktikal pendidikan seni. Penggunaan bahan warna alam semula jadi dalam proses pengajaran dan pembelajaran batik di UPSI, dengan memanfaatkan penggunaan teknologi masa lampau. Kajian budaya nusantara serantau ini akan memperjelaskan sumbangan dan peranan yang dimainkan dalam penghasilan produk batik yang berkualiti. Memang menjadi harapan dan tujuan setiap kursus baru yang diperkenalkan diharapkan dapat memberi kesan positif dalam sistem pendidikan.

05-4506832 Setelah pengkaji membuat kajian awal dan pemerhatian di beberapa buah UPSI pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi sekolah di negeri Perak maka pengkaji mendapati bahawa sekolah di bandar dan luar bandar belum mempunyai kelengkapan mengajar mata pelajaran batik khasnya seni batik tradisional. Malah, majoriti guru Pendidikan Seni di Sekolah Menengah, belum mengenal secara mendalam tentang penggunaan warna alam semula jadi. Keadaan ini boleh menyebabkan pengajaran batik tidak dilaksanakan di bilik darjah. Oleh yang demikian kajian ini akan mendedahkan pengetahuan dan kemahiran menghasilkan produk batik dengan menggunakan bahan warna alam semula jadi. Buku Panduan Guru Pendidikan Seni Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah tingkatan IV dan V (1990) menyatakan bahawa, aktiviti membatik menggunakan pewarna tradisional daripada tumbuh-tumbuhan seperti kunyit, daun mengkudu, dan buah kesumba India. Pendedahan awal ini diharap dapat membantu mahasiswa meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka tentang penghasilan batik. Oleh yang demikian bakal guru Pendidikan Seni dapat melaksanakan sesi pengajaran batik dengan bahan alam semula jadi.

Sejajar dengan itu, Iberahim Hassan (2000) menyatakan, dengan memperkenalkan penghasilan batik tradisional, iaitu menggunakan warna alam semula jadi di studio batik UPSI, menjadikan ramai bakal guru Pendidikan Seni yang berkeupayaan dan berpengetahuan dalam bidang batik. Kursus ini menekankan kepada proses dan teknik serta penghasilan reka corak di atas kertas dan permukaan kain secara tradisional dan kontemporari. Peringkat ini melibatkan penggunaan bahan-bahan pewarna yang berasal dari alam persekitaran. Kursus berkenaan dapat membantu mahasiswa menghasilkan batik dengan menggunakan bahan warna alam semula jadi, sebagai satu alternatif kepada penggunaan bahan kimia dalam proses penghasilan batik. Pengetahuan dari segi teori sahaja tidak mencukupi untuk membantu bakal guru

Pendidikan Seni mengajar dengan sempurna, jadi latihan praktikal juga diperlukan supaya mereka mendapat gambaran jelas mengenai proses penghasilan produk batik tradisional.

Memandangkan tidak ada lagi kajian khusus yang dibuat berkenaan dengan keberkesanan kursus batik warna alam semula jadi ini maka pengkaji ingin membuat kajian bagi mengetahui keberkesanannya dalam proses penghasilan produk batik.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut :

1. Memberi panduan untuk menilai keberkesanan sesuatu kursus yang baru dilaksanakan.
2. Dapatan kajian ini dapat membantu pensyarah, mahasiswa dan pentadbir dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus batik (SS 2182) di studio batik sebagai usaha meningkatkan tahap pencapaian di kalangan mahasiswa program Pendidikan Seni di UPSI.
3. Kajian ini dapat mengenal pasti tahap peningkatan akademik para mahasiswa dalam bidang seni batik tradisional.
4. Penggunaan bahan alam semula jadi dalam studio batik dijangka dapat membantu mahasiswa memahami warisan budaya bangsa dan pensyarah bertanggungjawab menyemaikan minat batik tradisional di peringkat pengajian tinggi.
5. Dapatan kajian ini, diharapkan dapat menggalakkan amalan pembelajaran yang menggunakan bahan-bahan alam semula jadi untuk meningkatkan mutu Pendidikan Seni.

6. Dapatan kajian ini akan dijadikan sebagai panduan dan rujukan penggunaan bahan alam semulajadi dalam studio terutamanya dalam penghasilan produk batik yang berkualiti.
7. Dapatan kajian ini dapat dijadikan contoh dan panduan kepada institusi pengajian tinggi yang lain ketika merancang dan melaksanakan Kursus Batik.

1.7 Batasan Kajian

1. Kajian ini hanya tertumpu kepada mahasiswa Sarjana Muda Pendidikan di UPSI, Fakulti Sains Sosial dan Kesenian, program Pendidikan Seni dengan Kepujian, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan. Sampel yang digunakan terdiri dari 23 orang mahasiswa.
2. Mahasiswa didedahkan tentang cara dan kaedah penghasilan produk batik dengan menggunakan bahan pewarna alam semula jadi yang telah dikendalikan oleh pengkaji untuk Kursus Batik (SS 2182).
3. Ujian pra dan pasca telah dilaksanakan sama ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran di studio batik yang menggunakan warna alam semula jadi untuk penghasilan batik.

1.8 Definisi istilah

Berikut dijelaskan beberapa istilah penting yang digunakan di dalam kajian ini:

1. **Keberkesanan** : sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya. (Kamus Dewan Edisi Ketiga ,1998).

2. **Penggunaan** bererti kemampuan dan kekerapan pelajar menggunakan warna alam semula jadi dalam menghasilkan produk batik di studio batik.
3. **Warna-warna** dalam kajian ini ialah warna alam semula jadi memberi kesan yang didapati daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda yang dilihat. Sebagai contoh, biji remia yang menjadi dasar kepada warna ungu.
4. **Pengajaran dan pembelajaran** dirujuk kepada pandangan Lehtinen (1997), yang menerangkan konsep pengajaran dan pembelajaran yang mencakupi suasana pembelajaran. Konsep suasana pembelajaran merangkumi sumber maklumat yang boleh digunakan oleh pengguna, peristiwa yang melibatkan mahasiswa secara aktif mengikuti pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah yang dikendalikan oleh pensyarah bagi membolehkan mereka mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran secara kognitif, psikomotorik dan afektif secara berkesan.
5. **Studio** – Julier Guy (1993) mendefinisikan studio sebagai bilik tempat pengkarya, pengukir dan juru gambar bekerja. Dalam kajian ini studio batik yang digunakan oleh mahasiswa dalam proses menghasilkan produk batik.
6. **Batik** – dihasilkan melalui proses penerapan lilin dan penerapan warna pada kain yang bercorak (dilukis atau diterap dengan lilin dan dicelup) pada bahagian kepala kain, kapit kain dan badan kain. Rekacorak tersebut diterapkan di dalam pelbagai susun letak seperti menegak, melintang, menyerong dan bertompok (Glosari Budaya, 1995).